

**20  
23**



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

# **BUKU PROGRAM**

**Program Pengkisahan Sejarah UiTM Cawangan Johor  
Dan Pengkisahan Sejarah Kemerdekaan**

**Tarikh:**  
07 September 2023 (Khamis)

**Masa:**  
8.00 pagi – 1.00 tengah hari

**Tempat:**  
Dewan Kuliah 1 (DK1), Blok Karyawan

**Pakaian:**  
Baju Melayu (Lelaki) / Baju Kurung (Perempuan)

**Pautan Program:**



**SCAN ME!**

# Isi Kandungan

<b>1. Isi Kandungan</b>	<b>1</b>
<b>2. Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>3. Objektif Program</b>	<b>3</b>
<b>4. Aturcara Program</b>	<b>4</b>
<b>5. Kronologi Penubuhan ITM / UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat</b>	<b>5</b>
<b>6. Lakaran Sejarah ITM / UiTM Cawangan Johor</b>	<b>7</b>
<b>6. Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor</b>	<b>17</b>
<b>7. Jawatankuasa Program</b>	<b>35</b>
<b>8. Penghargaan</b>	<b>36</b>

# Pengenalan

**Sejarah adalah penemuan, pengumpulan, pengurusan, dan persembahan maklumat terhadap peristiwa silam atau lampau. Ia juga bermaksud tempoh masa yang lalu selepas catatan penulisan telah dicipta.**

**Pengurusan rekod pula adalah satu aspek yang perlu di titik berat dalam memastikan bahan yang bernilai arkib dipelihara dan dapat dirujuk pada masa hadapan. Ianya boleh dijadikan memori sesebuah institusi dan menjadi warisan kepada generasi akan datang. Dalam memastikan rekod tersebut dipelihara, keselamatan rekod perlu ditekankan dan salah satu cara bagi memelihara rekod/bahan bernilai arkib adalah dengan menempatkan atau memusatkan bahan di satu tempat dengan penyusunan yang sistematik serta pemuliharaan yang berkesan.**

**Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar dan Perpustakaan Tun Dr. Ismail menganjurkan Program Pengkisahan Sejarah UiTM Johor dan Pengkisahan Sejarah Kemerdekaan sebagai inisiatif bagi memberi kesedaran dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warga UiTM Cawangan Johor. Diharap melalui program ini dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.**

## Objektif Program

- **Memori pembukaan UiTM Kampus Segamat diketahui oleh semua warga kampus**
- **Meneruskan kelangsungan kegiatan intelektual di UiTM Cawangan Johor**
- **Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus**
- **Menerapkan nilai-nilai murni cintakan negara**
- **Pelestarian pemikiran dalam pendidikan sejarah mampu meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme.**

# Autrcara Program

<b>Masa</b>	<b>Program</b>
<b>7.50 pagi</b>	<b>Pendaftaran Peserta / Sarapan Pagi</b>
<b>8.15 pagi</b>	<b>Ketibaan Penceramah Jemputan Ketibaan Rektor</b>
<b>8.30 pagi</b>	<b>Tayangan Video Dokumentari Penubuhan UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat</b>  <b>Tajuk Ceramah : Pengkisahan Sejarah UiTM Johor</b> <b>Panel 1 : Tuan Haji Ismail bin Shaari</b> <b>Panel 2 : Tuan Haji Muhamad Yassin bin Ismail</b> <b>Panel 3 : Encik Said bin Dis</b> <b>Moderator : Encik Hussin bin Ab Mutalib</b>
<b>10.30 pagi</b>	<b>Nyanyian Lagu - Bangsa Johor / Negaraku / Wawasan Setia UiTM</b>
<b>11.00 pagi</b>	<b>Ucapan Perasmian Oleh : YBhg. Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor</b>  <b>Bacaan Sajak Kemerdekaan Oleh : Puan Zety Natamulia binti Elias</b>  <b>Tajuk Ceramah : Pengkisahan Sejarah Kemerdekaan Oleh : Yang Berhormat Prof. Dato' Dr. Kassim Thukiman Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor</b>  <b>Penyampaian Cenderamata</b>  <b>Nyanyian Lagu Jalur Gemilang</b>
<b>1.00 petang</b>	<b>Jamuan / Bersurai</b>



Kronologi Penubuhan  
UiTM Cawangan Johor  
Kampus Segamat

# Kronologi Penubuhan UiTM Cawangan Johor



Rancangan Malaysia  
Ketiga (RMK 3)

**8 FEBRUARI 1979**

Pihak Kementerian Pelajaran telah memaklumkan Institut Teknologi MARA (ITM) bahawa kerajaan telah meluluskan penubuhan ITM Cawangan Segamat dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK 3)



**11 MAC 1979**

Lawatan rombongan Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM) ke tapak cadangan ITM Cawangan Segamat. Cadangan Tapak Batu 8 / KM 12 jalan Muar



**13 MEI 1979**

Mesyuarat dan perbincangan rasmi bersama Pegawai Kerajaan Johor di Pejabat Daerah Segamat mengenai tapak Kampus ITM Cawangan Segamat. Terdapat 11 orang wakil dari ITM dan 6 orang wakil dari Kerajaan Negeri Johor.



**29 MEI 1979**

Kunjungan hormat Institut Teknologi MARA kepada YAB Menteri Besar Johor iaitu Tan Sri Haji Othman Saat dan beliau pada dasarnya telah memberi persetujuan.



**15 DISEMBER 1983**

Institut Teknologi MARA (ITM) Cawangan Johor beroperasi di Taman Indah, Bukit Siput Segamat.



**1 JANUARI 1984**

YAB Dato' Abdul Ajib Ahmad yang merupakan Menteri Besar Johor kedua belas dari 29 April 1982 sehingga 12 Ogos 1986 dan beliau telah merasmikan penubuhan ITM di Bukit Siput Segamat.

# Kronologi Penubuhan UiTM Cawangan Johor



Pada ketika itu, ITM Cawangan Johor di Bukit Siput mempunyai 440 pelajar yang terdiri daripada empat jenis kursus.

1. Diploma In Banking Studies (DBS)
2. Diploma In Business Studies (DIB)
3. Diploma In Public Administration (DPA)
4. Diploma In Stenography (DSS)



Pihak ITM Cawangan Johor Segamat telah menggunakan Sekolah Rendah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman, Jalan Hassan Segamat untuk penginapan pelajar dan dikenali sebagai Kolej Temenggong Abdul Rahman.



**31 OGOS 1986**

ITM Cawangan Johor Segamat berpindah di Segamat Baru yang dapat menempatkan seramai 1,000 orang pelajar.



**31 DISEMBER 1989**

Berpindah ke kampus tetap di KM 12 Jalan Muar dan beroperasi sepenuhnya pada 01 Januari 1990 dengan keluasan tanah sebanyak 541 ekar.



**26 OGOS 1999**

Pengisytiharan UiTM daripada Institut Teknologi MARA Cawangan Johor Segamat menjadi Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Segamat.



**19 SEPTEMBER 2018**

Setelah 28 tahun UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat beroperasi "Jalan Universiti" telah digazetkan bagi laluan ke UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat.





# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



FORUM BERTAJA LEPASAN INSTITUTE TEKNOLOGI MARA (UTM) CAWANGAN JOHOR TERKAIT TAHUN 1994 DI SEGAMAT BARU



PERGARAH ITM SHAH ALAM PROF DATO DR RAJU MAROHU BIN HAJI SALLEH BERSAMA PERGARAH ITM CAWANGAN JOHOR DR. MURSHI BIN ABD. HAMID MELAKSANAKAN LAWATAN SEKELAH BANGUNAN INSTITUTE TEKNOLOGI MARA (ITM) DI SEGAMAT BARU SEKITAR TAHUN 1997



MAJLIS PERASMIAN EKSPLO PERNEKADANGAN PADA 11 FEBRUARI 1998 DI SEGAMAT BARU.



PAPAN TANDA JASA KEPADA BARYAT UKKO SYARIKAT SYABI INDIRA BARI PEMBINAAN KAMPUS SEGAMAT JOHOR SEKITAR TAHUN 1999.

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat





# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



AKTIVITI PEMBINAAN KETIKA INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR MASIH DALAM PEMBINAAN 20 KM DI JALAN MUKAB.



MINGGU SILATURRAHIM PADA TAHUN 1990 DI DEWAN MAKAN SRI PEGAGA.



MINGGU SILATURRAHIM PADA TAHUN 1990 DI DEWAN MAKAN SRI PEGAGA.



MINGGU SILATURRAHIM SEKITAR TAHUN 1990-AM.

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



MINGGU SELATURRAHIM SEKITAR TAHUN 1990-AN



KAWAD KAKI KESATRA SEKITAR TAHUN 1990 DI DATARAN SRI BESTAHARA INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) CAWANGAN JOHOR.



HARI KRIDARGA BERSAMA RAKYAT DI ITM SEGAMAT SEKITAR TAHUN 1990



PASUKAN BOLA JANING INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) CAWANGAN JOHOR PADA TAHUN 1990 KETIKA DI KAMPUS TETAP KM 12 JALAN MUAR

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



KURSUS PEMBANGUNAN STAF CAD INSTITUT TEKNOLOGI MARA KAMPUS JOHOR PADA 14-16 JUN 1994 YANG DIHIMPUN OLEH PENGETUA IAITU DR SHAHRUDDIN MD SALLEH



SEMINAR 100 000 UiTM KAMPUS JOHOR YANG DIHIMPUN OLEH PROF DR HJ MOHD NABAR RM BAWIRAN SEKITAR TAHUN 1995. TUNJUK TERAKAM DI DALAM GAMBAR KEKUPAKAN TIMBALAN SEKTOR BAL KHUAL PELAJAR BPCND HAJI BAKALI



LAWATAN PENGARAH UiTM MALAYSIA TAN SRI DR IR SAIDIN LAIDIN



PROGRAM MESI AKADEMIK BERSAMA PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH DI SEGAMAT ANJURAN UNIT KAUNSELING



# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



PROGRAM MISI AKADEMIK BERSAMA PELAJAH-PELAJAH SEKOLAH DI SEGAMAT ANJURAN UNIT KAUNSELING



KARNIVAL SUKSES KE-10 ANJURAN SEMB SROBRI JONOR DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) CAWANGAN JOHOR SEGAMAT DI KAMPUS TETAP KM 12 JALAN MTAR PADA TAHUN 1997



PERILAIAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF(KIK) DI UNIT BAL KHAWAL AKADEMIK (BKA)



AKTIVITI SEMAMBEROK PELAJAR DI DATARAN GRI BENDAHARA SEKITAR TAHUN 2000

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat



MALIS PROGRAM LATIHAN KHIDMAT BERUSAHA (FLKK) YANG PERTAMA DIADAKAN DI PADANG KAWAD TUTM KAMPUS SEGAMAT SEKITAR TAHUN 2004 BERSAMA AHLI PARLIMEN DATI SRI HISHAMMUDDIN BIN TUN MUSAHAH DAN SEKTOR PROF MASYA DA MOHAMED KASHIM BIN MOHD KAMIL.



AKTIVITI SUKAN ANTARA KOLEJ SEKITAR TAHUN 2004



MALIS M&C UiTM JOHOR BERSAMA JOHOR CORPORATION (JCORP) PADA 9 SEPTEMBER 2004



PEDAFTARAN PELAJAR SEKITAR TAHUN 2005 DI DEWAN SRI TEMERONGGONG (IST)

# Lakaran Sejarah UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat





Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor  
UiTM Cawangan Johor

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## M&MORI

### PENGETUA/ PENGARAH/ PROVOS/ REKTOR UiTM CAWANGAN JOHOR



Disusun & dibaringkan oleh:  
Siti Nurhidayah binti Yusoff  
Pelajar Latihan Industri 2022-2023

UiTM *di hatiku*

Unit Arkib Cawangan Johor



# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGETUA PERTAMA



**ENCIK AMIR BIN ZAINOL ABIDIN**

**1 DISEMBER 1983-31 JULAI 1984**

Beliau dilahirkan di Kangar, Perlis dan merupakan alumni Northern Illinois University. Beliau juga bekerja sebagai Profesor di UiTM Perlis setelah tamat bertugas sebagai Pengetua di ITM, Segamat. Pentadbiran beliau semasa tempoh berkhidmat sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor adalah di Kampus Sementara iaitu di Taman Indah, Bukit Siput, Segamat.

Semasa di bawah pentadbiran beliau, Kampus ITM Cawangan Johor hanya menempatkan seramai 440 orang sahaja pada satu-satu masa. Selepas itu, ITM telah berpindah ke Segamat Baru secara berperingkat mengikut kuantiti pelajar dan keluasan Kampus.

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGETUA KE-2



**DR. MOHAMMAD SAID BIN ZAINOL**

**1 OGOS 1984-1 DISEMBER 1986**

Beliau berasal dari Kuala Muda, Kedah. Beliau merupakan Pengetua kedua yang dilantik bagi meneruskan kesinambungan pentadbiran ITM Cawangan Johor di bangunan sementara ITM Bukit Siput setelah Pengetua pertama tamat tempoh lantikan.

Dr. Mohammad Said bermula sebagai Pensyarah di ITM. Beliau mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Teknologi Maklumat dan Sains Komputer. Beliau seterusnya diberikan amanah untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pengetua ITM Cawangan Johor anggaran pada tahun 1984-1985. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor pada tahun 1984. Beliau menggalas tanggungjawab sebagai Pengetua selama 2 tahun 4 bulan.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGETUA KE-3



**DR. MUNSHI @ MUNSI BIN ABDUL HAMID**

**1 JANUARI 1987 - 31 JULAI 1988**

Beliau merupakan Pengetua ITM Cawangan Johor yang dilantik dari Kajian Kejuruteraan. Beliau bertanggungjawab untuk mentadbir ITM Cawangan Johor dan memantau pembinaan Kampus tetap ITM Cawangan Johor di Jalan Muar, Segamat.

Dr. Munshi terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik. Beliau dilantik sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor oleh Kementerian Pengajian Tinggi selama hampir 2 tahun. Beliau mula berkhidmat sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor dari 1 Januari 1987 sehingga 31 Julai 1988. Selepas tamat tempoh perkhidmatan beliau sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor, beliau telah berpindah ke ITM Cawangan Shah Alam sebagai Pensyarah.



# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGETUA KE-4



**ENCIK AMINUDDIN BIN HJ. MOHAMAD**

**1 OGOS 1988 - 31 JULAI 1990**

Beliau merupakan Pensyarah Kajian Sains Matematik dan Komputer (KSMK). Beliau telah banyak menyumbang kepada pembangunan pelajar serta akademik di ITM Cawangan Johor di kampus sementara, Segamat Baru.

Beliau telah menjalankan tanggungjawab sebagai Pengetua ITM Cawangan Johor bermula 1 Ogos 1988 hingga 31 Julai 1990. Antara peristiwa bersejarah yang berlaku di bawah pentadbiran beliau ialah ITM Cawangan Johor yang beroperasi di bangunan sementara Segamat Baru pada ketika itu dipindahkan ke kampus tetap di Jalan Muar, Segamat. Beliau telah tamat tempoh pelantikan sebagai Pengetua di ITM Cawangan Johor secara rasmi pada pada 31 Julai 1990.

Dibuat & disunting oleh:  
Siti Nurhidayah binti Yusof  
Pelajar Latihan Industri 2022/2023

UiTM *di hatiku*

Unit Arkib Cawangan Johor

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGETUA KE-5



**ENCIK ALIAS BIN RAMLI**

**15 OGOS 1990 - 14 OGOS 1993**

Beliau telah dilantik sebagai Pengetua ITM ke-5 menggantikan Encik Aminuddin Bin Haji Mohamad. Beliau juga merupakan pensyarah Kajian Perniagaan dan Pengurusan.

Beliau telah banyak menyumbang jasa sebagai Pengetua ITM di kampus tetap ITM di Jalan Muar, Segamat yang baru dipindahkan dari Segamat Baru. Kampus tetap ITM Cawangan Johor telah berkembang pesat di bawah pentadbiran beliau. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengetua ITM untuk tempoh 3 tahun, bermula dari 15 Ogos 1990 sehingga 14 Ogos 1993.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGARAH KE-6



**DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH**

**15 OGOS 1993 - 15 OGOS 1995**

Beliau dilahirkan pada 15 Mei 1956 di Simpang Renggam, Johor. Beliau merupakan Pensyarah Kajian Kejuruteraan. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah ITM Cawangan Johor selama 2 tahun, bermula dari 15 Ogos 1993 - 15 Ogos 1995.

Beliau telah aktif di dalam bidang politik negara selepas menamatkan perkhidmatan di ITM Cawangan Johor. Beliau pernah menjadi Ahli Parlimen Sri Gading dan pernah memegang portfolio dalam Kementerian. Beliau telah mendapat anugerah Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran 'Datuk'.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PROVOS KE-7



**PROF. DR. HJ. MOHD SAHAR BIN SAWIRAN**

**1 SEPTEMBER 1995 - 31 OKTOBER 2002**

Beliau dilahirkan pada 8 Julai 1947. Pada 1992, beliau pernah dilantik sebagai Dekan Kajian Sains Matematik. Beliau merupakan pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Komputer dan Matematik (FTMSK). Beliau merupakan Provos yang mana sebelum ini dikenali sebagai Pengarah.

Beliau merupakan Provos yang berjaya membawa UiTM Segamat menerima anugerah 'Kampus Pengurusan Kewangan Terbaik' oleh Bendahari UiTM Kampus Induk. Pelantikan beliau sebagai Provos berkuatkuasa pada 1 September 1995 dan berakhir pada 31 Oktober 2002.

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGARAH KE-8



**PROF. MADYA DR. MOHAMED HASHIM BIN MOHD KAMIL**

**1 NOVEMBER 2002 - 30 JUN 2006**

Beliau merupakan Pengarah UiTM yang telah dilantik bermula pada 1 November 2002 hingga 30 Jun 2006. Beliau merupakan pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan. Beliau menjalankan tugas sebagai Pengarah UiTM untuk tempoh 4 tahun.

Selain itu, beliau juga pernah dilantik menjawat jawatan penting di organisasi korporat seperti Ayamazz Sdn. Bhd., KFC Holdings Malaysia Berhad dan QSR Brand Holding Berhad.

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGARAH KE-9



**PROF. MADYA DR. HJ. OMAR BIN SAMAT**

**15 JULAI 2006 - 4 DISEMBER 2007**

Beliau dilahirkan pada 18 Mac 1959 di Melaka. Pelantikan beliau sebagai Pengarah UiTM Cawangan Johor bermula pada 15 Julai 2006 hingga 4 Disember 2007. Beliau banyak menyumbang kepada pembangunan UiTM sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

Beliau telah menyediakan pelbagai kemudahan yang selesa kepada staf UiTM dan para pelajar. Beliau juga terkenal dengan sikap bersahaja ketika memberikan ucapan dan berinteraksi bersama pelajar. Beliau mempunyai kepakaran yang khusus di dalam bidang Kewangan.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGARAH KE-10



**PROF. DR. HAJI MUHD KAMIL BIN HAJI IBRAHIM**

**15 DISEMBER 2007-31 DISEMBER 2009**

Beliau dilahirkan dilahirkan di Kampung Bintang, Besut, Terengganu pada 19 Mei 1964. Pendidikan beliau bermula dengan Diploma dan Sarjana Muda di UiTM, Sarjana dari University of Dundee dan memperoleh ijazah kedoktoran PhD daripada University of Wales, United Kingdom. Beliau berpengalaman luas sebagai Pentadbir Akademik UiTM kerana pernah memegang jawatan Dekan Fakulti Sains Sukan, Timbalan Pengarah UiTM Johor, Ketua Program Perakaunan, Ketua Pusat Pendidikan Luar dan Pegawai Khas kepada Naib Canselor. Beliau adalah Pengasas dan Pengarah kepada Financial Reporting Research Center (FRRC) yang menjalankan kerja penyelidikan kepakaran bidang.

Beliau juga giat dalam penulisan buku-buku kreatif dan motivasi selain daripada aktif di dalam aktiviti ceramah berbentuk dakwah dan keagamaan. Antara buku yang ditulis beliau ialah Travelog Haji Mengubah Sempadan Iman.

# Pengetua / Pengarah / Provos / Rektor UiTM Cawangan Johor



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## PENGARAH KE-II



**PROF. DR. SOHAIMI BIN ZAKARIA**

**1 JANUARI 2010 - 15 JANUARI 2010**

Pengarah ke-II ini bertugas hanya selama 14 hari bermula 1 Januari 2010 hingga 15 Januari 2010. Beliau telah dipanggil oleh Naib Canselor UiTM pada ketika itu iaitu Tan Sri Sahol Hamid untuk ditawarkan posisi sebagai Pegawai Khas Naib Canselor UiTM bermula 1 Januari 2010 sehingga 31 Januari 2010.

Selain aktif didalam aktiviti-aktiviti pembangunan Sains Perpustakaan, beliau juga merupakan Ahli Profesional Persatuan Perpustakaan Malaysia. Profesor Sohaimi Zakaria pernah dibiayai oleh Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM pada 1998-1999 bagi menjalankan kaji selidik yang bertajuk "Projek Sistem Perpustakaan Berkomputer". Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia bagi sesi 2017/2018.

Disusun & disunting oleh:  
Siti Nurhidayah binti Yusof  
Pelajar Latihan Industri 2022-2023

UiTM *di hatiku*

Unit Arkib Cawangan Johor





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE-12



**PROF. DR. HJ. OMAR BIN SAMAT**  
**1 OKTOBER 2010-31 JANUARI 2015**

Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah/ Rektor UiTM sebanyak dua kali. Pelantikan pertama beliau ialah pada 15 Julai 2006 hingga 4 Disember 2007 dan 1 Oktober 2010 hingga 31 Januari 2015. Beliau banyak menyumbang kepada pembangunan UiTM di sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

Beliau telah menyediakan pelbagai kemudahan yang selesa kepada staf UiTM dan para pelajar. Beliau juga terkenal dengan sikap bersahaja ketika memberikan ucapan dan berinteraksi bersama pelajar. Beliau mempunyai kepakaran yang khusus di dalam bidang Kewangan.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE-13



**PROF. MADYA DR. AZIZAN BIN ABDULLAH**

**1 FEBRUARI 2015-31 DISEMBER 2017**

Beliau merupakan Rektor ke-13 yang telah berkhidmat selama 2 tahun 9 bulan di UiTM Cawangan Johor. Beliau telah diberi kenaikan jawatan sebagai Professor Gred Khas C (VK 7) dengan jawatan Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) pada tahun 2018. Pada 1 Mac 2019, beliau juga telah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) di UiTM Shah Alam.

Prof. Madya Dr. Azizan juga mempunyai kepakaran dalam bidang Keusahawanan dan Perancangan Strategik. Beliau juga telah menyumbang kepakaran beliau di Akademi SME & Pembangunan Keusahawanan Malaysia.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE-14



**PROF. MADYA. DR. AHMAD NAQIYUDDIN BIN BAKAR**

**1 JANUARI 2018-30 APRIL 2020**

Beliau berasal dari Merlimau, Melaka. Mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang ICT Policy and Governance di peringkat Doktor Falsafah di University of Hull, United Kingdom. Beliau telah berkhidmat di UiTM Shah Alam dan dilantik sebagai Koordinator Unit Pemerhati di Perancangan Strategik UiTM. Pada tahun 2010, beliau dilantik sebagai Ketua Institusi Penyelidikan oleh UiTM.

Pada tahun 2018, beliau telah dianugerahkan sebagai Ahli Bertauliah oleh The Chartered Institute of Logistic and Transport dan pada tahun 2020, beliau merupakan Pengarah Rakan Kerjasama Strategik Global UiTM.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE-15



**PROF. DR. HJ. ISMAIL BIN AHMAD**

**1 MEI 2020 - 30 APRIL 2022**

Prof. Dr. Ismail Ahmad merupakan Rektor yang ke-15 di UiTM Cawangan Johor. Beliau mempunyai latar belakang dalam bidang Perbankan dan Kewangan.

Latar belakang akademik beliau ialah Diploma in Investment di ITM Shah Alam. Kemudian, menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kewangan di Indiana State University dan menyambung Ijazah Sarjana di dalam bidang Business Administration. Beliau juga melanjutkan pengajian PhD dalam bidang Ekonomi Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE -16



**PROF. MADYA. DR. SAUNAH BINTI ZAINON**

**17 OKTOBER 2022 - KINI**

Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon merupakan Rektor wanita pertama di UiTM Cawangan Johor. Beliau mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Perakaunan. Beliau berpendidikan Diploma in Accountancy di ITM, Bachelor of Accountancy (Hons) di UiTM, Master of Accountancy (with Distinction), Curtin University of Technology, Australia. Beliau juga melanjutkan pengajian PhD dalam bidang Environmental Accounting and Corporate Social Responsibility di UiTM. Sebelum bergelar Rektor, beliau merupakan Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni UiTM Cawangan Johor pada 2018 hingga 2020.

Beliau aktif dalam bidang penulisan akademik dan memperoleh banyak anugerah pencapaian akademik pada tahun 2016 seperti Artikel Keusahawanan Terbaik bagi kategori pensyarah dan Anugerah Penyelidik Terbaik.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Dr. Ismail  
Cawangan Johor

**Menyerlahkan Potensi**  
**Membentuk Masa Hadapan**

## REKTOR KE -16

### *Professional Membership:*

1. Malaysian Institute of Accountants (Associate Member)  
- since 2002
2. UiTM-ACCA Asia Pacific Centre for Sustainability (APCeS)  
- since 10 August 2011
3. Accounting Research Institute (ARI) Research Member  
- 1 January 2012 - 31 December 2013

### *Administrative Appointment:*

1. Deputy Rector of Research, Industrial and Linkages,  
UiTM Cawangan Johor (2018 - 2020)
2. Head of Research Management Unit (RMU),  
UiTM Cawangan Johor (2017)
3. Diploma in Accountancy (AC 110), Programme Chair (2015-2016)
4. Marketing ARM Coordinator, UiTM Johor (2013-2014)
5. Collaborative Programme Coordinator, UiTM Johor (2003-2006)
6. Assistant Programme Coordinator, UiTM Johor (2001)

### *External Appointment (Examiner/ Professional Consultant/ Executive):*

1. Facilitator for Malaysian Institute of Accountants (MIA) Qualifying  
Examination (Taxation) (2016-2017 and 2019)
2. Committee Member of Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam  
(PKAYIS), Daerah Segamat, Johor (2013-2018)
3. Panelist for National Tax Seminar, Inland Revenue Department  
(2016)
4. Internal Auditor of Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah  
Kebangsaan Gemereh, Segamat (2012-2013)

# Jawatankuasa Program Pengkisahan Sejarah UiTM Johor

<b>Penaung</b>	<b>Ybhg Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon Rektor UiTM Cawangan Johor</b>
<b>Pengerusi</b>	<b>En. Mohamad Faizul bin Mohd Ruslan</b>
<b>Penasihat/Moderator</b>	<b>En. Hussin bin Ab Mutalib</b>
<b>Setiausaha</b>	<b>Pn. Salizaton binti Ya'acob</b>
<b>AJK Jemputan</b>	<b>Pn. Norrita binti M.Rashid</b>
<b>Persiapan</b>	<b>Pn. Maznah binti Salamin En. Megat Mohammad Ruszaimeay bin Mohd Yusop</b>
<b>Jamuan</b>	<b>En. Mohd Najib bin Abd Rahman</b>
<b>Keselamatan</b>	<b>Polis Bantuan</b>
<b>Backdrop/Jurugambar</b>	<b>En. Syamsul Firdaus bin Sardi</b>
<b>Multimedia/Teknikal</b>	<b>En. Mohd Rizal bin Samsudin En. Hasan bin Arsad</b>
<b>Pendaftaran/Kupon</b>	<b>Pn. Fitrihana binti Mabin En. Muhamad Yamin bin Ab Karim</b>
<b>Pameran dan Video</b>	<b>Pn. Mawar Noor binti Abdullah Pn. Siti Rozana binti Mat Sanat En. Nurul Amin bin Norudin En. Mohd Azmi bin Samsuri En. Muhammad Safwan bin Kamirul Ain En. Roslan bin Mohd Nor</b>
<b>Persembahan</b>	<b>Pn. Zety Natamulia binti Elias</b>
<b>Cenderamata</b>	<b>Cik Nurulintan Shyazwaney binti Razali</b>
<b>Rekabentuk dan Grafik</b>	<b>En. Nurul Amin bin Norudin</b>



# Penghargaan

**Setinggi-tinggi Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada**

**Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon**

**Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Johor**

**Jawatankuasa Program**

**&**

**En. Hussin bin Haji Ab. Mutalib**

**En. Said bin Dis**

**En. Roslan bin Mohd Nor**

**Bahagian Pentadbiran**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Unit Audio Visual**



**SCAN ME!  
LINK VIDEO**



**20  
23**



اَوَّلُ سَبِيحَةٍ نَبِيكُلُو لَوْ كُنَّ مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**Program Pengkisahan Sejarah UiTM Cawangan Johor  
Dan Pengkisahan Sejarah Kemerdekaan**

Disediakan oleh:  
Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Dr Ismail.